

"SELAKU warga dunia, Negara Brunei Darussalam adalah tidak terkecuali dari berhadapan dengan cabaran-cabaran yang dicetuskan oleh globalisasi. Ledakan teknologi maklumat yang semakin pesat dan canggih menyediakan ruang amat mudah untuk menyalurkan pelbagai agenda globalisasi itu, yang setengahnya membawa implikasi positif ataupun sebaliknya, terhadap aneka aspek kehidupan."
- Titah Sempena Hari Belia Kebangsaan Ke-7 Tahun 2012.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

قلوبنا

"...KATAKANLAH : "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?"
Sesungguhnya orang-orang yang mengambil pengajaran hanyalah orang-orang yang mempunyai akal (yang dapat memikir dan memahaminya)."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah az-Zumar, ayat 9).

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 61 / BILANGAN 133

5 NOVEMBER 2016 / 1438 5 صفر

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11, Tahun 2016. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit. (Lihat muka 3, 4, 12 dan 13).

Kejayaan belia mencorak masa depan negara

INTISARI TITAH

- BELIA Berwawasan Pemangkin Transformasi adalah membawa seribu harapan yang patut disambut sebagai cabaran
- BELIA yang berwawasan lagi cemerlang diimpikan oleh negara. Tanpa mereka, negara akan kehilangan tonggak atau pasaknya
- TIDAK ada alasan untuk para belia lemah dan menyerah kalah. Ini bukan sifat belia. Belia adalah berani dan gagah
- PENGORBANAN bukan setakat wang ringgit dan tenaga, tetapi turut lebih penting ialah berkorban dengan masa
- PARA belia mempunyai banyak masa dan peluang untuk terus berkembang. Tinggal saja sama ada mahu merebut atau tidak.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, satu tanda belia cepat berubah, apabila mendapati ramai di kalangan mereka, walaupun dalam usia masih muda, telah mencapai kejayaan-kejayaan sangat bermakna dalam pelbagai bidang, seperti bidang kedoktoran, guaman, kejuruteraan, keugamaan, keusahawanan dan lain-lain.

Kejayaan-kejayaan yang diperolehi itu, titah baginda, adalah alat untuk para belia berkecimpung mencorakkan masa depan negara.

"Belia seperti ini tidak syak lagi adalah belia yang berwawasan lagi cemerlang," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11, Tahun 2016 yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Ke muka 3

Jangan terjebak kepada konsep bebas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 November. - Era hari ini menyediakan ruang lingkup yang cukup luas untuk dilalui sehingga tiada lagi sempadan dapat membatasinya, yang mana kadang-kadang boleh mengelirukan orang untuk melakukan apa saja yang disukai tanpa boleh disekat-sekat lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah dengan yang demikian wujudlah golongan yang sangat-sangat mendewakan kebebasan tanpa batasan dan sekali gus membawa muncul budaya baru,

tidak menghiraukan lagi adat tradisi dan agama.

Bertitah pada perhimpunan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11 Tahun 2016, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seterusnya menjelaskan bahawa golongan seperti itu biasanya lebih didominasi oleh kaum belia di mana-mana saja.

Justeru itu, baginda berharap agar para belia kita tidak akan sampai terjebak kepada konsep bebas seperti itu, tetapi akan tetap kekal sebagai belia-belia yang mentaati agama dan menghormati undang-undang serta tradisi bangsa.

Terdahulu baginda bertitah bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat

lagi bersama-sama hadir di dalam perhimpunan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11 Tahun 2016 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dan seterusnya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Belia kepada semua para belia di negara ini.

Baginda bertitah, tema sambutan : "Belia Berwawasan Pemangkin Transformasi" adalah membawa seribu harapan.

Para belia, titah baginda, patut menyambutnya sebagai cabaran kerana transformasi di sini bermaksud satu cetusan perubahan yang dinanti-nantikan.

"Ia tidak menunggu lama-lama melainkan terbuka untuk semua, terutama bagi para belia selaku agen kepada perubahan itu."

BELIA BERWAWASAN PEMANGKIN TRANSFORMASI

GENERASI belia sebagai aset yang amat berharga kepada negara adalah tonggak kekuatan serta pewaris kepimpinan masa depan negara. Keadaan masyarakat akan datang bergantung pada keadaan dan pembinaan belia hari ini. Jika keadaan belia hari ini baik dan pembinaannya sempurna, maka masyarakat pada masa akan datang akan juga menjadi baik dan begitulah sebaliknya.

Kekuatan sesuatu bangsa terletak kepada penegasan identiti diri seseorang. Apabila generasi belia itu kenal diri, mempunyai kehebatan dan kewibawaan, maka di situlah kita dapat meletakkan harapan dan kepercayaan kepada mereka untuk menjadi wira-wira bangsa yang tulen bercalakkan Melayu Islam Beraja, belia yang bijak menggunakan masa di jalan kebajikan bukan hanya leka dan hanyut dengan mimpi-mimpi di siang hari dan membiarkan masa berlalu dengan sia-sia belaka.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan perkara ini di Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11, Tahun 2016 pada 3 November 2016:

"Para belia mempunyai banyak masa dan peluang untuk terus berkembang. Tinggal saja lagi terpulang kepada mereka, sama ada mahu merebutnya ataupun tidak. Adapun memanfaatkan masa dengan sewajarnya adalah pilihan orang-orang yang bijaksana. Beta berharap, para belia kita hendaklah termasuk antara mereka."

Sejajar dengan tema sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11 tahun ini iaitu 'Belia Berwawasan Pemangkin Transformasi', sewajarnya para belia melakukan transformasi untuk berubah daripada keadaan baik sekarang ini kepada yang lebih baik dan mereka yang masih tercari-cari erti kehidupan hendaklah mula melakukan tindakan perubahan yang perlu.

Negara sangat mendambakan munculnya generasi belia yang memiliki kekuatan dan kecemerlangan sebagai tonggak dan pasak negara. Generasi belia yang memiliki kekuatan semangat dan daya juang yang tinggi, luas penguasaan ilmu serta berkeupayaan untuk memimpin anggota masyarakat dan memiliki elemen-elemen ini, akan dapat memainkan peranan sebagai pemangkin kepada agenda transformasi negara dan ummah.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menekankan bahawa tidak adalah alasan untuk para belia lemah dan menyerah kalah. Menurut baginda, itu bukan sifat belia. Belia adalah berani dan gagah. Mereka berani membuka perusahaan sendiri, walaupun mula-mulanya secara kecil-kecilan, seperti meneroka khidmat cuci kereta, menternak ikan, industri kreatif dan seumpamanya, tetapi dari kecil itu ia boleh jadi besar jika para pengusaha belia terus gigih dan tabah.

Oleh itu, adalah penting untuk para belia mempunyai wawasan. Wawasan ini haruslah sebuah wawasan yang besar bagi dirinya dan masyarakatnya. Maka generasi belia terutama yang beragama Islam dituntut untuk mentaati ugama dan menghormati undang-undang negara serta tradisi bangsa. Dalam mendokong wawasan yang murni, para belia perlulah memastikan bahawa mereka memiliki akidah yang murni, akhlak yang mulia, sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan diri dalam semua bidang dan berusaha mencapai kecemerlangan dalam bidang yang diceburi, komited pada usaha untuk membangun masyarakat, kompeten dengan keperluan semasa, berminda luas dan berfikiran global dan universal.

Marilah kita sama-sama berdoa mudah-mudahan generasi belia negara kita sentiasa diberikan taufik dan hidayah oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya menjadi generasi belia pemacu pembangunan negara bangsa yang maju dan dihormati. Selamat Menyambut Hari Belia Kebangsaan 2016. "Belia harapan bangsa, pemuda tiang negara."

Ketua Penyuntingan PB - (Nh).

Kejayaan belia mencorak masa depan negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Mahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda bekenan menerima junjung ziarah para belia sejurus tiba ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2016 yang telah berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

Dari muka 1

"Negara adalah sungguh-sungguh mengimpikan mereka. Tanpa mereka, negara akan kehilangan tonggak atau pasaknya. Tidak ada alasan untuk para belia lemah dan menyerah kalah. Ini bukan sifat belia. Belia adalah berani dan gagah," titah baginda.

Baginda bertitah, para belia berani membuka perusahaan sendiri, walaupun mula-mulanya secara kecil-kecilan, seperti meneroka khidmat cuci kereta, menternak ikan, industri kreatif dan seumpamanya, tetapi dari kecil itu ia boleh jadi

besar, jika para pengusaha belia terus gigih dan tabah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah, semua apa yang dirancang dan dibuat adalah cabaran belaka kerana ia memerlukan kertas kerja dan pengorbanan.

Pengorbanan itu, titah baginda, bukan setakat wang ringgit dan tenaga, tetapi turut lebih penting ialah berkorban dengan masa.

Kebawah DYMM bertitah, kalau kita menggunakan masa di jalan kebajikan, itulah satu pengorbanan paling berkesan, dengan kita mengawal diri dari menggunakannya secara sia-sia.

"Jika ini dijadikan amalan, bererti kitalah orang yang pandai atau bijak memilih, di mana landasan yang betul dan selamat," titah baginda.

"Sebab itu, kerana tingginya harga masa itu, Allah sendiri sampai bersumpah dengan masa, bahawa semua manusia di dalam kerugian, kecuali mereka yang mengisi masa dengan amal-amal kebajikan. Demikian, menurut Al-Quran, Surah Al-'Asr," titah baginda.

Di sinilah, jelas titah baginda, cabaran untuk semua, dalam perkara menggunakan masa.

Baginda bertitah, jika silap menggunakannya, bererti kita

menjerumuskan diri ke dalam satu krisis kehidupan, dan krisis ini, mesti segera diatasi.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah, para belia mempunyai banyak masa dan peluang untuk terus berkembang.

Baginda bertitah, tinggal saja lagi terpulang kepada mereka, sama ada mahu merebutnya ataupun tidak.

Adapun memanfaatkan masa dengan sewajarnya, jelas titah baginda, adalah pilihan orang-orang yang bijaksana.

Dalam pada itu Kebawah DYMM bertitah berharap, para belia kita hendaklah termasuk antara mereka.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka-paduka anakanda iaitu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan bergambar kenangan dan beramah mesra bersama para belia yang mewakili pelbagai persatuan, institusi dan lain-lain di Perhimpunan Ramah Mesra Bersama Belia.

Empat menerima Anugerah Belia Kebangsaan 2016

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohamad Azmi Awang
Damit, Hamzah Mohidin,
Azmah Haji Ahad,
Muhammad Asri
Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyampaikan Anugerah Belia Kebangsaan 2016 dalam empat kategori, iaitu Anugerah Belia Cemerlang, Anugerah Belia Berkhidmat, Anugerah Pemimpin Muda Belia dan Anugerah Projek Cemerlang Persatuan Untuk Belia.

Penerima Anugerah Belia Cemerlang pada tahun ini dikurniakan kepada Pengerusi Persatuan Wanita Kampung Junjungan, Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli; Penerima Anugerah Belia Berkhidmat pula ialah Setiausaha, Persatuan Kemajuan Insan (KESAN), Dayang Nurizzatul Izzah binti Haji Abd. Rahman.

Manakala, Anugerah Pemimpin Muda Belia ialah Awang Mohammad Anwar bin Awang Haji Mohammad daripada Society For Community Outreach and Training (SCOT) dan Anugerah Projek Cemerlang Persatuan untuk Belia ialah Projek SCOT Green Xchange (GX) daripada SCOT, yang diterima oleh Pemangku Pengerusi SCOT, Awang Mohammad Khairul Azmi bin Haji Mohd. Salleh.

Kesemua penerima-penerima anugerah menerima sebuah Trofi, Kain Tenunan, Sijil Penghargaan dan Wang Tunai BND3,000.



KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan Anugerah Pemimpin Muda Belia kepada Awang Mohammad Anwar bin Awang Haji Mohammad daripada Society For Community Outreach and Training (SCOT) (kiri), dan Anugerah Projek Cemerlang Persatuan untuk Belia diberikan kepada SCOT dan diterima oleh Pemangku Pengerusi SCOT, Awang Mohammad Khairul Azmi bin Haji Mohd. Salleh (kanan).



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Belia Cemerlang kepada Pengerusi Persatuan Wanita Kampung Junjungan, Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli (kiri), dan Anugerah Belia Berkhidmat kepada Setiausaha, Persatuan Kemajuan Insan (KESAN), Dayang Nurizzatul Izzah binti Haji Abd. Rahman (kanan).



KEBAWAH DYMM dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai bersama penerima Anugerah Belia Kebangsaan 2016 sempena Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11, bagi tahun 2016.

Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Solat Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Bacaan Surah Yaa Siin, Bertahlil serta Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 November. - Belia merupakan aset penting bagi sesebuah negara kerana mereka bakal mencorakkan arus pembangunan dan kemajuan negara.

Pada tahun ini, Hari Belia Kebangsaan 2016 akan disambut pada Khamis, 3 November ini bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sambutan Hari Belia Kebangsaan merupakan salah satu dari acara tahunan utama anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bagi memartabatkan pergerakan belia dengan memperingati dan mengumpulkan belia-belia seluruh negara dalam satu perhimpunan dengan kegiatan yang bermakna.

Bersempena dengan sambutan tersebut, KKBS telah mengadakan Majlis Solat Fardu Maghrib dan Isyak

Berjemaah, Bacaan Surah Yaa Siin, Bertahlil serta Doa Kesyukuran bertempat di Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, Kampung Tungku / Katok, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof.

Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak berjemaah diimamkan oleh Guru di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkiah, Awang Mohd. Hashim bin Haji Abdullah yang juga merupakan Penerima Anugerah Belia Cemerlang 2013.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Haji Mohd. Noor Jusmin Haji Abdul Samad serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan.

Majlis juga disertai Ahli-ahli Persatuan-persatuan Belia; Ahli Badan Sukarelawan Belia Daie, Pusat Da'wah Islamiah; Mahasiswa Insititut Pengajian Tinggi; Alumni Program Khidmat Bakti Negara; Pelatih-pelatih Pusat Pembangunan Belia; Rekrut-rekrut Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Rekrut-rekrut Bomba dan Penyelamat; Bekas Peserta SSEAYP; Ahli-ahli Kelab Pusat Belia; belia-belia masjid; Ahli-ahli Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Pengiran Muda Abdul Malik, Kampung Tungku, Katok dan penduduk sekitar Kampung Tungku.

SEMBAHYANG Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah diimamkan oleh Guru di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkiah, Awang Mohd. Hashim bin Haji Abdullah, yang juga merupakan Penerima Anugerah Belia Cemerlang pada tahun 2013.



Belia pemangkin transformasi negara

Berita dan Foto : Aimi Sani, Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim



PENERIMA Anugerah Belia Berkhidmat Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-11, 2016, Dayang Nurizzatul Izzah binti Haji Abdul Rahman, 26, dari Persatuan Kemajuan Insan (KESAN).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 November. - Tonggak dan masa hadapan sesebuah negara sering kali dikaitkan dengan kekuatan dan kehebatan sumber tenaga manusia yang cemerlang dan berdaya tahan.

Sumber tenaga manusia yang berdaya tahan merupakan jentera utama sesebuah negara.

Penerima Anugerah Belia Berkhidmat Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-11, 2016, Dayang Nurizzatul Izzah binti Haji Abdul Rahman, 26, dari Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) semasa ditemu bual PELITA BRUNEI menjelaskan beliau merasa gembira dan tidak menyangka mendapat anugerah berkenaan.

Menjawab jawatan sebagai

Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan, beliau adalah setiausaha KESAN juga mengetuai Ketua Biro Belia Brunei Cemerlang (Majlis Belia Brunei).

"Alhamdulillah saya merasa gembira mendapat anugerah ini dan sama sekali tidak menyangka akan terpilih sebagai penerima Anugerah Belia Berkhidmat," ujarnya.

Jelasnya, semasa kecil beliau sangat aktif mengikuti kempen dan apabila di Tingkatan Enam terpilih sebagai 'Best Student Volunteer' untuk 'Best Camp Science' yang mana mereka telah menganjurkan kempen untuk anak-anak muda pada ketika itu dan sejak dari itu, beliau gemar menyertai aktiviti sebegini.

Di samping itu katanya, beliau turut mendapat undangan untuk masuk menyertai KESAN, dan dari sana beliau mengenali pelbagai aktiviti yang dijalankan khas untuk belia-belia di negara ini.

Dari sana juga katanya, semangat untuk mencurahkan bakti dan sumbangan demi negara yang dicintai ini.

Sementara itu, Pengarah Pendidikan Society of Community Outreach and Training (SCOT), Siti Noraspadiyah binti Haji Mohd. Sah berkata keterlibatan para belia sebagai pemangkin transformasi di dalam proses transformasi negara adalah penting.

"Perubahan, penghijrahan dan transformasi adalah kemestian dalam usaha menuju negara yang maju dan dinamik. Ia memerlukan asas-asas dan pendekatan yang transformatif bagi mencapai cita-cita tersebut.

Menyentuh mengenai SCOT pula,

SCOT adalah merupakan *catalyst* ke arah membasmi kemiskinan di negara ini di mana kami memfokuskan pendidikan, projek pertukaran hijau (Green X change - GX).

Projek GX adalah merupakan projek yang memberi manfaat kepada golongan yang berpendapatan rendah untuk menambahkan sumber rezeki, yang mana penduduk kampung digalakkan untuk mengumpulkan bahan-bahan kitar semula dan menukarkannya dengan komoditi asas iaitu beras," ujarnya.

Beliau seterusnya berharap agar Sambutan Hari Belia Kebangsaan ini akan terus dapat menyuntik semangat dan menjadi inspirasi kepada generasi belia di negara ini agar kita dapat sama-sama berganding bahu di dalam merealisasikan aspirasi raja, bangsa, agama dan negara.



PENOLONG Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Dayang Shahrinah binti Haji Abdul Rahman, semasa menyampaikan taklimat mengalu-alukan kehadiran para belia.

BERAKAS, Rabu, 2 November. - Belia merupakan aset negara yang sangat berharga serta tonggak dan kekuatan masa depan negara.

Sehubungan itu, dalam usaha untuk menyemai jiwa belia supaya wujudnya rasa bertanggungjawab agar dapat melahirkan belia-belia yang berdaya saing dan produktif, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan buat julung kalinya mengadakan Program Pertukaran Belia Daerah.

Program yang melibatkan belia-belia dari keempat-empat daerah tersebut adalah sempena dengan

60 belia sertai Program Pertukaran Belia Daerah

Sambutan Hari Belia Kebangsaan, bertempat di Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Seramai 60 belia dalam lingkungan umur 18 hingga 25 tahun menyertai program tersebut.

Program yang berlangsung selama tiga hari dua malam tersebut disediakan dengan aktiviti-aktiviti menarik seperti menghadiri Sambutan Hari Belia Kebangsaan, lawatan ke Pusat KACA dan Pusat Autisme SMARTER Brunei.

Ja juga diisikan dengan upacara keagamaan seperti Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan, solat berjemaah dan kempen kebersihan di masjid-masjid berhampiran, ceramah keagamaan bertajuk 'Transformasi Belia dalam Islam', dan Kuliah Subuh yang bertajuk 'Mengenali Diri Sebagai Belia Islam'.

Program pertukaran tersebut antara lain diadakan untuk menyatupadukan belia-belia dari keempat-empat daerah yang terdiri dari pelbagai latar belakang kehidupan untuk sama-sama memeriahkan dan mendukung Sambutan Hari Belia Kebangsaan.

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Haji Arrifin Mohd. Noor



PARA peserta Program Petukaran Belia Daerah 2016 semasa mendengarkan taklimat.

Kebawah DYMM prihatin terhadap pembangunan belia



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama belia yang berjaya dalam pelbagai bidang akademik.



BAGINDA bersama paduka-paduka anakanda berkenan menyaksikan salah satu pameran yang dikendalikan oleh para belia sempena dengan Perhimpunan Hari Belia Kebangsaan Ke-11.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11, Tahun 2016 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11, 2016.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam sembah alu-aluannya, menyebarkan bahawa keberangkatan Kebawah DYMM menunjukkan keprihatinan mendalam baginda terhadap pembangunan belia di Negara Brunei Darussalam yang setentunya menjadi inspirasi dan penyuntik semangat kepada belia dan beliawanis yang hadir di majlis sambutan berkenaan khususnya belia-belia di seluruh negara annya yang berperanan dalam agenda transformasi negara ke arah pembangunan dan

PEMBACAAN Ikrar Belia disampaikan oleh barisan kumpulan-kumpulan belia yang diketuai oleh Dr. Muhamad Ezam bin Haji Emran, seorang Pakar Kardiologi muda di Negara Brunei Darussalam; Awangku Haji Mohammad Zaki bin Pengiran Dato Paduka Haji Zaini, seorang Jurutera Struktural (Laut), Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad dan Kapten Dayang Sharifah Czarena Suriyani binti Syed Haji Hashim, Juruterbang Penerbangan Diraja Brunei yang merupakan Wanita Pertama Negara Brunei Darussalam berjawatan Kapten (kiri).

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas

kemakmuran negara.

Yang Berhormat seterusnya menyentuh mengenai tema sambutan Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini, iaitu 'Belia Berwawasan Pemangkin Transformasi' dipilih mengambil kira peri mustahaknya belia siap siaga untuk menjadi rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; menyumbang kepada langkah-langkah mewujudkan kehidupan rakyat yang berkualiti dan menyertai dalam menjana ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, sebagaimana matlamat Wawasan Negara 2035.

"Majlis Ramah Mesra Belia pula akan mengetengahkan hampir seribu orang belia yang berkeberhasilan menurut tunjang, tuggak atau pilar masing-masing. Belia-belia ini telah menyuatkan seruan titah Kebawah Duli Tuan Patik dan memanfaatkan program dan projek pembangunan belia Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik," ujar Yang Berhormat.

Acara kemuncak sambutan ialah Penyampaian Anugerah Belia Kebangsaan 2016 dalam empat kategori, iaitu Anugerah Belia Cemerlang, Anugerah Belia Berkhidmat, Anugerah Pemimpin Muda Belia dan Anugerah Projek Cemerlang Persatuan Untuk Belia.

Sementara Ikrar Belia dibacakan oleh barisan kumpulan-kumpulan belia yang diketuai oleh Dr. Muhamad Ezam bin Haji Emran, seorang Pakar Kardiologi muda di Negara Brunei Darussalam yang bertugas sebagai Pemangku Konsultan Kardiologi di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Dr. Muhamad Ezam turut diiringi oleh Awangku Haji Mohammad Zaki bin Pengiran Dato Paduka Haji Zaini seorang Jurutera Struktural (Laut), Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad dan Kapten Dayang Sharifah Czarena Suriyani binti Syed Haji Hashim, Juruterbang Penerbangan Diraja Brunei yang merupakan Wanita Pertama Negara Brunei Darussalam berjawatan Kapten.

Penyampaian Anugerah Belia Kebangsaan 2016 ini bertujuan untuk memberikan pengiktirafan dan penghargaan negara kepada pergerakan belia di Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama menyahut titah serta hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mendokong usaha golongan belia dalam membangun dan mengekalkan semangat kesukarelawanan di kalangan masyarakat.

Kebawah DYMM dan kerabat diraja kemudiannya berangkat ke Perhimpunan Ramah Mesra Belia dan menyaksikan Pameran Inovasi Usahawan Belia 2016 seterusnya berkenan menerima pesambah daripada Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2016.

Sambutan juga diserikan dengan tayangan video terbitan Kumpulan Belia Kreatif yang diketuai oleh Awang Haji Mohammad Sukoran bin Haji Ismail yang memaparkan pencapaian cemerlang sebahagian belia dalam pelbagai bidang dan transformasi belia untuk menyuntik semangat para belia lain agar terus bergiat cemerlang dalam bidang yang diceburi dan tidak takut untuk mencuba sesuatu perkara yang baru.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Jund.

Pengisytiharan Hari Belia Kebangsaan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada setiap 1 Ogos adalah satu keistimewaan kepada belia-belia seperti yang terkandung di dalam Dasar Belia Negara 2002.

Dalam usaha membangun belia di negara ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan perhatian yang penuh melalui

penyediaan berterusan program-program pembangunan kapasiti, kemudahan-kemudahan prasarana, infrastruktur dan bantuan fizikal dan fiskal.

Antara objektif sambutan ialah untuk mengumpulkan belia di seluruh negara dalam satu perhimpunan dengan aktiviti-aktiviti yang bermakna selain memartabatkan pergerakan belia dengan memperingati dan menyambut Hari Belia Kebangsaan.

Di samping itu ianya juga bertujuan untuk memberi peluang kepada belia-belia berinteraksi dan bertukar-tukar pandangan dan pendapat dari berbagai aspek serta mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan menjana integrasi dalam kalangan generasi belia.

Tema sambutan pada tahun ini ialah 'Belia Berwawasan: Pemangkin Transformasi' adalah untuk melihatkan para belia sebagai generasi penerus pembangunan negara yang akan dapat mendukung usaha merealisasikan Wawasan Negara 2035 iaitu ke arah rakyat yang berpendidikan; berkemahiran tinggi dan berjaya; kehidupan rakyat yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Keterlibatan para belia sebagai pemangkin transformasi di dalam proses transformasi negara adalah penting. Perubahan, pengijrahan dan transformasi adalah kemestian dalam usaha menuju negara yang maju dan dinamik.

KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan bergambar ramai bersama para belia yang mengambil bahagian di Perhimpunan Ramah Mesra Belia sempena Hari Belia Kebangsaan 2016 (atas kanan).

KEBAWAHA DYMM berkenan beramah mesra bersama seorang belia yang cacat penglihatan, tetapi berjaya dalam bidang yang diceburinya (kanan).

BAGINDA berkenan menyaksikan pelbagai Pameran Inovasi Usahawan Belia 2016, seperti dalam bidang keusahawanan dan lain-lain lagi yang membawa belia-belia Negara Brunei Darussalam ketika ini sebagai belia berwawasan sebagaimana yang dikehendaki oleh negara. (Gambar bawah kiri dan bawah kanan).



Wawasan 2035 : Belia Mekanisme Pembangunan Negara

Oleh : Noriah Haji Abdul Hamid
Foto : Jabatan Penerangan

TANGGAL 1 Ogos merupakan Hari Belia Kebangsaan setiap tahun di mana berlangsungnya perhimpunan belia dari keempat-empat daerah dalam skala besar dari pelbagai peringkat persatuan belia dan sukan, perubahan beruniform, badan-badan sukarela dan institusi pengajian tinggi kerajaan dan swasta dan juga merupakan sebagai 'platform' kepada para belia untuk mengadakan perjumpaan khusus bagi menghargai sumbangan dalam pembangunan belia.

Pengisytiharan Hari Belia oleh Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan menjadikan 1 Ogos sebagai Hari Belia Kebangsaan adalah satu pengiktirafan dan penghargaan terhadap pergerakan belia di negara ini yang merupakan aset penting bagi pembangunan sesebuah negara.

Ini adalah sejajar dengan objektif Hari Belia Kebangsaan iaitu untuk memartabatkan pergerakan belia di negara ini dengan menyambutnya di suatu perhimpunan belia-belia seluruh negara sebagai wadah untuk berinteraksi, bertukar-tukar pandangan dan pendapat dari pelbagai aspek, di samping mengeratkan tali silaturahmi serta menjaga integrasi di kalangan generasi belia.

"Belia Berwawasan: Pemangkin Transformasi" adalah merupakan tema sambutan Hari Belia pada tahun ini melihatkan para belia adalah generasi penerus pembangunan negara yang akan dapat mendukung usaha dalam merealisasikan Wawasan Negara 2035 ke arah rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; kehidupan rakyat yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Keterlibatan para belia sebagai pemangkin transformasi di dalam proses transformasi negara adalah penting. Perubahan, pengijrahan dan transformasi adalah kemestian dalam usaha menuju negara yang maju dan dinamik. Ia memerlukan asas-asas dan pendekatan yang transformatif bagi mencapai cita-cita tersebut.

DASAR BELIA NEGARA

Matlamat Dasar Belia Negara - "Mewujudkan Belia Brunei Cemerlang"

- Menanam dan mengukuhkan pada belia nilai-nilai dan kepercayaan-kepercayaan yang terkandung dalam Perlembagaan Negara dan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja;

- Memupuk rasa kepunyaan, patriotisme, beriltizam, berazam dan berhaluan yang jelas;

- Memperkembangkan di kalangan belia pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan serta menanam dalam diri mereka sikap dan kualiti

bertanggungjawab, berdisiplin, dinamik, dapat menyesuaikan diri dan berdikari bagi pembangunan negara, di samping mengukuhkan perpaduan negara.

- Menggalakkan penglibatan belia dalam perkembangan ekonomi yang kukuh dan berlanjutan.

NILAI DAN PRINSIP YANG MENJADI TERAS DASAR BELIA NEGARA

Dasar Belia Negara adalah berteraskan perkara-perkara berikut:

- Nilai:
- Mengamal dan mengukuhkan nilai-nilai dan kepercayaan-kepercayaan yang terkandung dalam Perlembagaan Negara dan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja.
- Prinsip:
- Mendukung keramian Ujama Islam dan menzahirkannya sebagai amalan dalam kehidupan seharian belia sebagai satu cara hidup yang lengkap selaras dengan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja.

- Menyumbang kepada kehidupan bermasyarakat, bernegara dan perkembangan ekonomi yang kukuh dan berlanjutan di Negara Brunei Darussalam supaya negara keseluruhannya dan belia khususnya dapat mengatasi dan mendapat faedah dari perubahan sosial, ekonomi dan teknologi yang pesat tanpa menjejaskan nilai peribadi dan kebudayaan mereka.

Menyumbang kepada pembinaan kesedaran diri, kepaduan, perkhidmatan kepada orang lain dan keertan sosial di kalangan penduduk Negara Brunei Darussalam, terutamanya di kalangan belia.

- Menyumbang kepada perkembangan pengetahuan, kemahiran dan sikap peribadi yang dikehendaki di kalangan orang ramai, khususnya belia, bagi kemajuan negara, pekerjaan dan warganegara yang aktif dan produktif.

- Membantu belia memperkembangkan kualiti peribadi yang penting seperti berdikari, kepimpinan, inisiatif, keyakinan, iltizam, daya usaha dan kreatif dan untuk menggalakkan ekspresi kualiti ini dalam pelbagai keadaan sosial dan ekonomi.

- Memperluas penglibatan organisasi belia amnya dan Majlis Belia Brunei khususnya dalam pembangunan negara.

- Membolehkan belia memperkembangkan kesedaran dan persefahaman antarabangsa, supaya menyedari kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam ASEAN, rantau Asia, Komanwel dan antarabangsa.

- Menggalakkan pihak swasta mempunyai program khas bagi belia.

BELIA SEBAGAI PEMANGKIN TRANSFORMASI NEGARA

Dalam usaha membangun belia di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan perhatian yang penuh melalui penyediaan berterusan program-program pembangunan kapasiti, kemudahan-kemudahan prasarana, infrastruktur dan bantuan fizikal dan fiskal.

Bagi mendokong tema Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2016/2017; "Mengukuhkan Iklim Perekonomian Bagi Mendokong Pembangunan Berterusan", kerajaan telah menjuruskan kepada empat fokus utama iaitu Memudahcara Perniagaan; Kedua, meningkatkan Produktiviti Negara; Ketiga, Membina Kapasiti dan Modal Insan yang mana tumpuan akan diberikan kepada memperkasa dan mempersiapkan golongan belia negara sebagai harapan negara dalam meneruskan dan menerajui agenda pembangunan ekonomi yang dirancang dan Keempat, Memelihara Kesejahteraan Awam.

Bagi mendokong pembangunan ekonomi yang *sustainable* dalam jangka masa panjang, tumpuan turut diberikan kepada membina kapasiti dan modal insan terutamanya di kalangan belia-belia di negara ini. Pembangunan kapasiti dan modal insan ini perlulah dilaksanakan secara holistik merangkumi perolehan pengetahuan dan kemahiran, termasuk keupayaan keusahawanan; serta memiliki sikap, nilai dan etika positif dan progresif melalui program-program yang tersusun, bersesuaian dan fokus kepada *outcome*.

Selaras dengan keutamaan tersebut, pihak kerajaan akan sentiasa berusaha meningkatkan tahap kualiti pendidikan dan latihan bagi belia-belia di negara ini. Pendidikan cemerlang mampu memberi peluang kepada para belia untuk meningkatkan kualiti hidup serta menyumbang secara aktif dan positif kepada pembangunan negara selaras dengan hasrat Wawasan Brunei 2035. Ianya juga salah satu strategi utama kerajaan dalam usaha pembasmian kemiskinan dan peningkatan pengangguran.

Selain itu bagi memupuk pemikiran keusahawanan dari peringkat awal, Kementerian Pendidikan melalui Agenda Keusahawanan Kebangsaan (National Entrepreneurship Agenda - NEA) telah berjaya melibatkan sekurang-kurangnya 3,297 orang pelajar dari semua peringkat persekolahan, pendidikan dan komuniti dalam program keusahawanan tersebut. Program ini bertujuan memupuk minda keusahawanan yang menjurus

kepada sifat berdikari, berdaya cipta, inovatif, berpandangan jauh, mampu meraih peluang, mengenalpasti risiko dan pengawalannya serta pandai berikhtiar.

Bagi membina kapasiti para belia secara holistik, usaha juga ditumpukan kepada penerapan program-program jati diri dan latihan kemahiran bagi belia-belia sesuai dengan keperluan masa kini dengan pengendalian Program Khidmat Bakti Negara (PBKN).

Hari ini negara sedang menangani cabaran yang monumental, iaitu cabaran untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035 yang merupakan aspirasi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam menjelang tahun.

Kejayaan wawasan 2035 memerlukan sumbangan pro-aktif golongan belia yang seharusnya menjadi penggerak yang memacu negara ke tahap yang kita impikan. Maka amat sesuai tema bagi Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-11 tahun 2016, "Belia Berwawasan: Pemangkin Transformasi". Tema tersebut menyatakan kepentingan sokongan golongan muda ke arah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang progresif. Ini juga menunjukkan pentingnya membangun dan memperkasakan peranan belia dalam proses transformasi negara.

Transformasi membawa maksud perubahan sifat, rupa atau keadaan. Dalam erti kata yang lain, ia merupakan proses peralihan dari satu dimensi ke satu dimensi yang lain, daripada keadaan senario sedia ada yang sudah berlegar di ruang pemikiran ke satu ruang yang lain kepada yang lebih baik atau lebih sempurna.

Penglibatan golongan belia secara aktif dalam kegiatan berpersatuan sudah pasti akan dapat mempertingkatkan potensi diri mereka menerusi ilmu berpersatuan dan kepimpinan, pendedahan, pengalaman, malah mampu membina jaringan komunikasi antara belia atau persatuan sehingga ke peringkat antarabangsa. Mereka belia perlu membina jaringan komunikasi supaya dapat membantu diri dalam urusan sosial, ekonomi atau perniagaan dengan pihak lain pada masa hadapan. Sesuai dengan matlamat Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2016 iaitu untuk mengiktiraf belia dan pergerakan belia di negara ini maka adalah diharapkan dengan pelaksanaan Sambutan Hari Belia Kebangsaan kali yang ke-11 ini akan dapat menggalakkan lebih ramai lagi penglibatan golongan belia di dalam

aktiviti-aktiviti kebeliaan khususnya dan terlibat sama dalam usaha-usaha pembangunan negara amnya termasuk dalam kerja sukarelawan sebagaimana hasrat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Belia Kebangsaan Tahun 2006: ".....Kaum belia adalah aset berharga dalam nation building. Mereka adalah penyumbang yang aktif, khasnya di bidang-bidang kesukarelaan. Beta amatlah menghargai penglibatan mereka dalam bidang ini, kerana ia mencerminkan kejujuran serta semangat sedia berkorban. Tanpa semangat ini, semua aktiviti sukarela itu mustahil untuk dijemakan. Beta yakin, semangat kesukarelaan bagi seorang warga bangsa, adalah menjadi penentu kepada tinggi rendahnya kemajuan yang kita capai. Bukankah pada jiwa yang rela itu terbuka seribu pintu usaha?"

Dengan pelbagai inisiatif dan program-program menjurus ke arah pembangunan belia oleh pihak kerajaan adalah semata-mata dihasratkan untuk meningkatkan keupayaan para belia tempatan bagi menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negara ini untuk melahirkan ramai lagi pakar-pakar, profesional-profesional, usahawan-usahawan dan pemimpin-pemimpin belia yang berjaya di masa hadapan yang akan menyumbang kepada pembangunan negara secara inklusif dan *sustainable* serta membantu menangani isu kemiskinan dan mengurangkan jumlah pengangguran di negara ini.

Pihak kerajaan melalui pelbagai agensi mengembling tenaga dalam penyediaan program-program ke arah membangunkan para belia di negara termasuklah dalam memperkasa bidang keusahawanan di kalangan belia. Contohnya Darussalam Enterprise (DARE) yang merupakan sebuah badan berkanun bagi mengasuh dan memberikan sokongan kepada perusahaan tempatan sejak mula diwujudkan sehinggalah berkembang maju melalui program Startup Bootcamp yang mana merupakan program latihan serta bimbingan dalam pelbagai aspek termasuk penciptaan dan pelaksanaan idea, kemajuan produk, penyediaan pelan perniagaan, pengenalan perniagaan, termasuklah cara-cara mendapatkan pembiayaan dan teknik pemasaran serta penjualan produk dan lain-lain agensi.

